



BANJIR...keadaan jalan berdekatan Stadium Shah Alam.

Banjir kilat di Seksyen 13

SHAH ALAM: Hujan lebat lebih tiga jam, di sini, mengakibatkan berlakunya banjir kilat sedalam hampir satu meter di Seksyen 13, berhampiran Stadium Shah Alam, di sini, petang semalam.

Kejadian kira-kira jam 5 petang itu turut mengakibatkan laluan di sekitar kawasan itu mengalami kesesakan teruk.

Seorang pengguna jalan raya yang enggan dikenali berkata, dia terpaksa menghubungi polis bagi meminta bantuan untuk menghantar anaknya ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

"Ketika melalui kawasan itu, kereta saya rosak kerana dimasuki air," katanya ketika ditemui di sini, semalam.